

**Dr M diminta beri keterangan dalam perbicaraan PKFZ**  
**Malaysian Insider**  
**26 September, 2012**  
**Oleh Hafidz Baharom**

KUALA LUMPUR, 26 Sept — Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad telah diberikan arahan mahkamah untuk memberikan keterangan untuk mempertahankan bekas menteri kabinet Tun Dr Ling Liong Sik dalam perbicaraan kes Zon Bebas Perlabuhan Klang (PKFZ), kata satu sumber hari ini.

“Dia telah disepina bagi minggu bermula 8 Oktober,” jurucakap pasukan pembelaan memberitahu pemberita di mahkamah, merujuk kepada PM Malaysia keempat dan paling lama berkhidmat iaitu selama 22 tahun.

Walaupun bagaimanapun, Datuk Tun Majid Tun Hamzah, yang mengetuai pasukan pendakwaan terhadap Dr Ling, memberitahu beliau diberitahu oleh peguam bekas menteri pengangkutan Wong Kian Kheong bahawa Dr Mahathir akan memberi keterangan seawal minggu hadapan.

“Dia kata minggu hadapan,” Tun Majid memberitahu The Malaysian Insider melalui SMS, merujuk kepada Wong.

Dr Mahathir yang mula bertugas sebagai PM bermula 1981 dan berakhir pada Oktober 2003, sebelum ini dikaitkan dalam skandal PKFZ yang bertujuan menjadikan Perlabuhan Klang sebagai hub pengangkutan serantau.

Dalam keterangannya sebelum ini pada 13 Julai lepas, Dr Ling memberitahu mahkamah bahawa Dr Mahathir telah “terlibat sepenuhnya” sepanjang proses konsep keseluruhan projek PKFZ.

“PM telah terlibat sepenuhnya dalam semua yang saya lakukan. Beliau (Dr Mahathir) begitu baik ... dia tahu saya lakukan sesuatu baik jadi saya boleh terbang di luar negara pada bila-bila masa.

“Kerana apabila saya mempunyai mesyuarat dengan agensi-agensy perkapalan di luar negara, saya tidak boleh menunggu Kabinet untuk meluluskan cuti saya supaya dia akan izinkan saya pergi,” katanya kemudian apabila diminta untuk menjelaskan bagaimana idea untuk PKFZ datang.

“Dalam mana-mana kerajaan, jika PM menyokong anda, tiga suku pertempuran dimenangi ... dan dia (Dr Mahathir) begitu menyokong,” katanya.

Bekas presiden MCA itu didakwa menipu Kabinet untuk mendapatkan kelulusan untuk membeli 999.5 ekar tanah untuk projek PKFZ yang telah menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan.

Beliau juga dihadapi dua tuduhan alternatif kerana menipu Kabinet untuk mempercayai terma pembelian — RM 25 sekaki dan bunga sebanyak 7.5 peratus — yang diakui oleh Jabatan Penilaian Harta dan Perkhidmatan (JPPH) walaupun mengetahui tiada sebarang perjanjian.

Dr Ling berhadapan dengan kemungkinan dipenjara sehingga tujuh tahun, atau didenda, atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan dengan kesalahan pertama dibawah seksyen 418, kod jenayah.

Pertuduhan alternatif terhadap beliau boleh menyebabkan dipenjara selama lima tahun, didenda atau kedua-duanya sekali.

Perbicaraan dibawah hakim mahkamah tinggi, Datuk Ahmadi Asnawi akan bersambung Jumaat ini selepas perbicaraan hari ini terganggu apabila Dr Ling tiba-tiba sakit dan dikejarkan ke hospital.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-diminta-beri-keterangan-dalam-perbicaraan-pkfz/>